

Sistem Asean berkesan urus keselamatan: PM

Pemimpin diminta erat kerjasama, ketepi kepentingan sempit

BH- 6/6/2007

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sistem dan pengalaman Asean dalam mengurus keselamatan, ketenteraman dan kestabilan boleh diguna bagi rantau Asia Pasifik yang lebih luas, walaupun cabaran Asia Pasifik tidak sama dihadapi Asean.

Perdana Menteri berkata, walaupun sistem Asean dalam menguruskan keamanan dan keselamatan menerusi kerangka kerjasama pertumbuhan serantau itu bukan sesuatu yang sempurna dan perlu ditingkatkan, ia tetap berkesan mewujudkan kestabilan dan ketentuan di rantau Asean.

“Keadaan di Asia Pasifik yang lebih luas meliputi India di barat ke Australasia dan Amerika Utara di timur, mungkin tidak betul-betul sama dengan cabaran yang dihadapi kita di Asia Tenggara.


“Tetapi, saya ingin menyatakan ada banyak persamaan daripada apa yang kadang kala selalu kita fikirkan. Pengalaman Asean boleh turut membantu kita di rantau Asia Pasifik yang lebih luas,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-21, di sini, semalam.

Turut hadir Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah serta Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan.

Sambil mengingatkan negara Asia Pasifik supaya tidak mengambil mudah keamanan dan kestabilan kerana ia tidak wujud dengan sendiri sebaliknya perlu dipupuk secara berterusan, Abdullah berkata, pemimpin Asia Pasifik boleh mencontohi semangat membina Asean daripada memikirkan kepentingan sempit.

Katanya, hubungan baik yang wujud di kalangan negara Asean adalah kerana pemimpin Asean 40 tahun lalu membuat pilihan tepat berasaskan pertimbangan bijak.

“Mereka mengambil langkah berani dengan mengetepikan kepentingan sempit negara sendiri dan mengiktiraf bahawa masa depan negara anggota saling berkait rapat.



RAI KEHADIRAN: Abdullah bersalaman dengan Fellow Kanan Institut Asia-Eropah, Prof Dr Corrado GM Letta sambil diperhatikan Mohamed Jawhar (kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

“Kita tidak membesar-besarkan ancaman dan tidak bertindak keterlaluan terhadap sesuatu ancaman yang diperbesar-besarkan. Kita melihat persaingan antara kuasa besar dan memilih untuk tidak terbabit dalam persaingan itu,” katanya.

Sebaliknya, kata beliau, Asean memilih untuk berbincang dengan kuasa besar bagi mencapai keamanan dan kemakmuran bersama dengan memberi keutamaan kepada kerjasama politik dan ekonomi dengan tidak mengabaikan faktor keselamatan.

“Apabila kita berbincang mengenai keselamatan, kita pastikan ia berkaitan kerjasama keselamatan yang melibatkan semua dan untuk fa-

“Pemimpin Asean mengambil langkah berani dengan mengetepikan kepentingan sempit negara sendiri dan mengiktiraf bahawa masa depan negara anggota saling berkait rapat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

edah semua. Kerjasama seperti ini membawa manfaat besar bukan saja kepada Asean, tetapi kepada seluruh rantau ini,” katanya.

Beliau berkata, Asean mengekalkan perjanjian keselamatan dan kerjasama ketenteraan kerana ia sudah terjalin yang tidak perlu ditamatkan, tetapi tidak mahu keanggotaannya dibesarkan dan berikrar tidak akan membentuk pakatan ketenteraan serantau.

Abdullah juga berkata, rangka kerja Asean berjaya membantu membawa kestabilan dan ketenteraman di rantau ini dengan keyakinan sesama kalangan negara anggota terus meningkat serta banyak pertikaian wilayah diselesaikan menerusi perbincangan atau perundangan.